

Belia disaran hayati semangat kerajinan kerja Dr. Mahathir

UM 1 2 AUG 2003

KUALA LUMPUR 11 Ogos — Majlis Belia Malaysia (MBM) mahu semua golongan belia sebagai pewaris kepimpinan negara menghayati semangat Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang rajin bekerja, bercita-cita besar dan mempunyai daya juang bertaraf dunia supaya Wawasan 2020 dicapai lebih awal.

Setiausaha Agung MBM, Norizan Sharif berkata, motivasi yang terdapat pada diri Perdana Menteri sudah lengkap untuk dihayati oleh rakyat sebagai resipi untuk meletakkan kemajuan Malaysia setanding dengan negara maju yang lain.

“Kerana itu setiap golongan belia perlu mengamati, memahami dan menghayati setiap seruan Perdana Menteri kerana amanatnya adalah satu pandangan jauh yang mengandungi elemen Wawasan 2020 demi kepentingan masa depan bangsa,” katanya kepada *Utusan* Malaysia hari ini.

Norizan mengulas kenyataan Dr. Mahathir pada majlis jamuan makan malam Kejohanan Badminton Piala Perdana 2003 kelmarin yang menyeru supaya setiap rakyat sentiasa bercita-cita besar.

Menurutnya, dengan sentiasa menanamkan semangat bercita-cita besar akan membolehkan rakyat dapat membangunkan negara serta memperoleh pencapaian dalam aktiviti yang bertaraf dunia.

“Rakyat perlu membuktikan kekadang dunia bahawa mereka mempunyai kemampuan berdiri sama tinggi dengan pihak lain,” katanya.

Norizan berkata, seruan Dr. Mahathir ada hubungannya dengan kejayaan pelayar solo mengelilingi dunia Datuk Azhar Mansor dan Abdul Malik Mydin merenangi Selat Inggeris sebagai anak Malaysia yang mengharumkan nama negara menerusi aktiviti bertaraf dunia itu.

Setiausaha Agung Gabungan Pelajar Melayu Semananjung (GPMS), Syed Anuar Syed Mohamad pula berkata, menerusi Wawasan 2020 yang diilhamkan oleh Dr. Mahathir itu telah menetapkan sembilan cabaran untuk menjadikan rakyat dan negara maju bertaraf dunia.

“Antara lain cabaran itu ialah menggalakkan rakyat supaya bercita-cita besar sekali gus berusaha gigih untuk mencapai kecemerlangan, mengekalkan perpaduan dan tidak lupa kepada pene-

rapan nilai masyarakat penyayang,” katanya.

Beliau berkata, bagi mencapai Wawasan 2020 itu sudah pasti memerlukan segenap lapisan rakyat bermula di peringkat bangku sekolah lagi supaya sentiasa bercita-cita besar agar segala impian bersama untuk mencapai kecemerlangan negara akan tercapai.

Tokoh Belia Pahang 2003, Sheikh Badar Sheikh Embong berkata, amanat Dr. Mahathir itu memang tepat kerana setiap apa sahaja impian murni perlu disertai dengan cita-cita besar.

“Apabila kita bercita-cita besar kepada perkara yang baik, mudah-mudahan kejayaannya juga adalah besar sehingga boleh dinikmati umum,” katanya yang juga bekas Setiausaha Agung Persekutuan Kelab-Kelab Belia Malaysia (MAYC).

Sheikh Badar berkata, golongan belia perlu bermotivasi supaya mereka mempunyai hala tuju dan ini memerlukan usaha Kementerian Belia dan Sukan serta Kementerian Pendidikan menjalin kerjasama melaksanakan program melahirkan generasi muda yang bercita-cita besar.